



LOW SIEW WAH

PENASIHAT

PERLADANGAN ORGANIK SEMULAJADI

JAWATANKUASA TINDAKAN ALAM SEKITAR SABAH
ENVIRONMENTAL ACTION COMMITTEE SABAH

Untuk makluman lanjut, sila hubungi:

Urus Setia EAC,
Tingkat 7, Blok B, Wisma MUIS, Sembulan
Beg Berkunci 2078, 88999 Kota Kinabalu
Tel: 088-253192 Fax: 088-253193 Email: seac@tm.net.my

DARIPADA TEH HERBA KEPADA ORGANIK

Saya membesar dalam keluarga yang miskin. Sebelum meneroka alam Pertanian berasaskan organik, saya menolong ayah menjual teh herba. ayah menekankan bahawa ubat hanya boleh menyembuhkan tanda-tanda penyakit tetapi tidak boleh mencegah penyakit. Oleh itu, untuk mengelakkan penyakit, kita haruslah memulainya dengan pemakanan yang baik. Sebab itu, selain daripada menjual teh herba, ayah juga menanam sayuran secara semulajadi.

Selepas kematiannya, saya masih mengingati akan pesanannya. Dengan itu, saya bertekad meninggalkan perniagaan teh herba dan mengalihkannya kepada pertanian secara semulajadi. Kaki gunung kinabalu yang setinggi 4,095.2m adalah tempat pilihan saya untuk membuat percubaan, tempatnya adalah lebih kurang 5km daripada Bundu Tuhan. Malangnya itu tidak sesuai kerana sekelilingnya adalah petani-petani yang mengamalkan pertanian menggunakan bahan kimia. Apa yang berlaku, apabila mereka menyembur racun serangga. Serangga-serangga tersebut pergi ke kebun saya yang tidak menggunakan semburan racun serangga. Percubaan pertama saya gagal.

Daripada pengalaman itu, saya tahu bahawa kebun saya mestilah di lokasi yang jauh daripada kebun yang menggunakan bahan-bahan kimia. Saya berpindah 20km jauhnya dari kebun pertama. Kebun yang kedua belum pernah diusahakan. Pengetahuan tentang organik di Malaysia khususnya di Sabah adalah amat cetek. Tiada panduan, tiada pandangan dan tiada nasihat. Saya menyelidik, meneroka dan mengaplikasikannya sendiri dengan berpandukan pengalaman dan tips daripada ayah saya. Tetapi untuk kedua kalinya saya gagal lagi.

BELAJAR DARIPADA DUA KEGAGALAN

Kini saya tahu bahawa kebun organik tidak semudah seperti mengusahakan kebun kecil di belakang rumah, kerana hanya dengan menggunakan bahan-bahan buangan daripada dapur dan tahi ayam peliharaan sendiri, sudah memadai untuk menghidupkannya, manakala ulat-ulatnya pula hanya perlu disingkirkan dengan menggunakan tangan apabila ia kelihatan.

Dengan kegagalan yang berturut-turut, saya mula mendengar cemuhan dan kata-kata yang tidak memberansangkan daripada segelintir orang-orang di sekitar saya. Tetapi saya memilih untuk menjauhkan diri dari mereka dan meneruskan pencarian lalu mendapat inspirasi daripada alam sekitar.

INSPIRASI DARIPADA HUTAN HUJAN TROPIKA SABAH

Saya mendapat inspirasi daripada hutan sabah, mengapa pokok-pokok di hutan sabah bersaiz besar dan sihat tanpa adanya pembajaan? Bagaimana dengan bunga-bunga dan sayuran liar di hutan tidak diserang serangga? Dari sini saya mendapati akan hukum alam semulajadi dan prinsip keseimbangan. Di luar negara perkara ini bukanlah perkara yang baru tetapi di sabah pada 16 tahun yang lalu, pengetahuan organik tidak kedengaran.

Daripada inspirasi tersebut saya kembali bersemangat untuk mencuba sekali lagi dengan cara yang sama tanpa menggunakan bahan kimia, Yang saya namakan sebagai "Pertanian Secara Organik".

PERTANIAN SECARA ORGANIK = PENGURUSAN ALAM SEKITAR

Pertanian secara organik bermaksud menggunakan tanah yang belum dicemari oleh bahan toksik, baja kimia dan racun serangga. Petani Cuma perlu mengamalkan prinsip keseimbangan alam iaitu menggunakan kawalan biologi di mana semut, lelabah, pepatung, burung dan sebagainya akan melakukannya untuk petani. Untuk mencapai keadaan ini, kebun mestilah dikelilingi pokok-pokok rumput dan sungai yang bersih di sekitarnya untuk tujuan menarik perhatian serangga-serangga perosak.

DI BAWAH SINARAN MATAHARI, BULAN DAN BINTANG-NINTANG

Petanian secara organik akan membiarkan sayur-sayuran dibawah sinaran matahari tanpa penutup seperti yang terdapat di semua kebun organik di Bundu Tuhan. Tanaman yang terdedah kepada matahari, bulan, bintang, hujan, bintang, angin dan sebagainya akan menggalakkan pertumbuhan yang optima kerana segala sumber tenaga akan di resapi.

Ini akan memastikan tanaman tersebut dipenuhi dengan tenaga yang menyihatkan manusia. Tenaga adalah sumber kehidupan. Tenaga yang cukup bermanfaat untuk kesihatan. Kekurangan tenaga membuat kita sakit. Tanpa tenaga bererti mati. Pesakit yang mengambil sayuran dan buah-buahan organik akan mengalami pemulihan kesihatan.

RAWATAN DAN PENGURUSAN TANAH

Rawatan tanah sebelum menanam adalah penting. Tanah mengandungi berjuta-juta bakteria yang perlu diaktifkan untuk membuat tanah semulajadi. Tanah yang gelap menunjukkan kehadiran mikrob, sebab itu tanah yang tidak mengandungi mikro akan berwarna kekuningan. Tanah kusam yang lembut menunjukkan mikrob aktif dan banyak akitviti dan pergerakan di dalam tanah. Ruang diantara tanah ini boleh menyerap udara air, dan tanah. Oleh itu akar tanaman boleh menembusi tanah dengan mudah bagi mencari nuterian yang diperlukan. Tanah yang kekuningan adalah tanah yang tidak subur, dengan itu mikrob tidak boleh hidup. Tanah menjadi keras seakan batu, dan tanah seperti ini di panggil tanah mati kerana penggunaan baja berlebihan. Tanaman yang dihasilakn juga beracun.

BUMI SAKIT MANUSIA SAKIT

Sekali bumi menjadi sakit, penyakit akan bertambah. Cara pemakanan masa kini adalah salah satu penyebab meningkatnya pesakit kanser. Untuk generasi akan datang saya ingin mengongsikan cara bagaimana untuk menyelamatkan bumi. Saya mula mengajar sekumpulan petani dengan konsep semulajadi untuk menghasil kan tanaman yang lebih cekap dan dipenuhi dangan unsur tenaga. Tetapi setelah manusia menyedari betapa pentingnya kesihatan permintaanpun semakin bertambah dan menarik sekumpulan petani menambahkan prodak mereka dengan tanaman organik. Pengguna diperbodaohkan kerana tiada pengetahuan tentang bagaimana seharusnya (organik). Disebabkan itu pengguna perlu diberikan pengetahuan tentang organik agar mereka boleh membezakan antara yang benar-benra organik dan palsu.

12

PROJEK BUNDU TUHAN (KUNDASANG GREEN PROJEK)

Sudah hampir setahun saya berkerja di Bundu Tuhan. Saya bertuah sebab. Petani-petani di Bundu Tuhan dapat menerima konsep dan prinsip pertanian organik. Seramai 60 orang peserta menyertai pertanian secara organik. Tetapi tanaman mereka belum boleh di klasifikasikan sebagai organik sebab mereka masih menggunakan baja kimia walaupun hanya sedikit. Apa yang menggembirakan, mereka mula mengamalkan cara organik dengan bantuan dan tunjuk ajar daripada saya. Secara tidak langsung mereka telah menyumbang dalam penyelamatan bumi. Dalam 4 atau 5 tahun lagi tanah dan persekitaran kebun mereka akan dipulihkan. Selepas itu ia sudah boleh di kelaskan sebagai organik mengikut standard dan Kualiti Persijilan Antarabangsa. Dengan itu untuk menggalakkan lebih ramai mengikuti konsep ini kami bercadang untuk menubuhkan sebuah Pusat Latihan bagi mereka yang berminat. Saya berharap dapat melahirkan petani-petani yang berprinsip dan tidak berkompromi dengan sebarang alasan yang bertentangan. Saya yakin satu hari nanti Pusat Latihan Organik Bundu Tuhan akan menjadi kenyataan.



